

BAB 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Perkara yang tidak dapat disembunyikan kepada manusia ialah pengetahuan mereka tentang kedudukan masjid yang tinggi dalam jiwa umat Islam dan ia mempunyai kesan yang besar dalam kehidupan mereka sama ada secara individu maupun kumpulan. Oleh yang demikian, perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah saw selepas penghijrahan berlaku ke Madinah ialah mendirikan sebuah masjid yang mulia itu.

Membina dan memakmurkan masjid adalah di antara cara untuk menghampiri diri kepada Allah yang lebih utama dengan syarat usaha pemakmuran itu ikhlas kerana Allah dan suci daripada sifat riak serta bermegah-megah. Orang Islam pada peringkat awal perkembangan Islam telah menjadikan masjid sebagai tempat untuk sembahyang berjamaah. Mereka juga menjadikan masjid sebagai pusat keilmuan, kesusteraan, berpolitik, tempat bermesyuarat dan berbincang tentang urusan-urusan yang melibatkan kepentingan orang-orang Islam sama ada dalam keadaan aman ataupun semasa perang. Bermula dari masjid, ilmu-ilmu dapat disebarluaskan secara konfrehensif kepada seluruh umat manusia. Apabila ilmu tersebar kepada manusia, maka ia memudahkan lagi usaha dakwah. Ini kerana orang-orang berilmu mampu berfikir mana yang baik atau sebaliknya.

Dari sinilah masyarakat Arab jahiliah mula mendekati Islam dan menganut agama yang suci serta bersama dengan Nabi saw membina tamadun Islam. Tamadun Islam adalah tamadun yang berteraskan ilmu yang memampukan ia membuka pintu hati seluruh umat manusia dan membawa mereka kepada tamadun yang amat cemerlang dalam sejarah tamadun manusia seluruhnya tanpa menafikan sumbangan tamadun lain.

Tetapi peranan masjid pada mutakhir ini menjadi semakin malap angkara musuh Islam yang meracuni pemikiran umat Islam dalam berbagai-bagai bidang dan ia disedari oleh kebanyakan umat Islam. Umat Islam seharusnya memahami perancangan jahat barat untuk meminggirkan peranan masjid dalam kehidupan umat Islam. Umat Islam sepatutnya mampu mengubah sanario ini dari terus malap. Sepatutnya tidak ada tangan-tangan umat Islam sendiri yang khianat dengan mengenakan pelbagai tekanan dalam usaha membawa masjid kembali kepada fungsi asalnya. Dengan ini umat Islam tidak perlu bertempur sesama sendiri dalam mempertahankan hak Islam.

1.2 Pengertian Tajuk

Sebelum perbincangan dihuraikan dengan lebih terperinci, penulis ingin menerangkan mengenai pengertian tajuk terlebih dahulu, kerana ia penting bagi memberi gambaran awal terhadap kajian ini. Tajuk kajian ini ialah “ Peranan Masjid Negeri Arau, Perlis Dalam Mengubah Pemikiran Masyarakat Setempat ”.

Di bawah ini akan diterangkan beberapa frasa penting tentang tajuk kajian dan rumusan kepada tajuk secara keseluruhannya. Menurut kamus Dewan, perkataan peranan bermakna bahagian (tugas) yang dipegang, memainkan dan memegang,¹ yang dimaksudkan penulis di sini ialah tugas atau peranan yang dimainkan oleh Masjid Arau, Perlis kepada masyarakat setempat.

Perkataan masjid bererti bangunan khusus tempat orang-orang Islam melaksanakan beribadah seperti solat Juma'at dan ibadah-ibadah lain.² Masjid juga bermakna dahi seseorang yang kena pada tempat sujud.³ Jadi masjid memberi makna tempat atau bangunan yang menjadi tumpuan umat Islam untuk beribadah khusus atau umum dan ia tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti-aktiviti masyarakat Islam.

Perkataan negeri bermaksud, daerah tempat tinggal, daerah yang di bawah perintah seorang Sultan atau Gabenor, kawasan bandar, kerajaan atau pemerintah,⁴ yang dimaksudkan oleh penulis ialah Negeri Perlis.

Perkataan Arau, menurut ‘Kamus dewan’ berbintik-bintik, berbelang-belang, mengacau, sejenis pokok (tumbuhan) dalam famili Euphorbiacea,⁵ yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah bandar Arau yang terletak 10 km daripada bandar Kangar. Ia terletak di sebelah timur Negeri Perlis dan ia merupakan bandar Diraja dan bandar

¹ Noresah bte Baharom (2000), *Kamus Dewan*, Edisi Ke Tiga,Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, hal. 1011.

² *Ibid*, hal . 864.

³ Muhammad Idris ‘Abd Rauf al-Marbawi (1354H) ,*Kamus al-Marbawi*, Pustaka Nasional, Singapura, hal. 279.

⁴ Kamus Dewan, *Op.Cit*, hal. 925.

⁵ *Ibid*, hal. 62.

yang kedua terpenting di Negeri Perlis.⁶

Perkataan mengubah pula bermakna, menjadikan berlainan atau berbeza daripada yang asal, menjadikan lebih baik daripada yang asal, menyusun semula atau mengolah kembali, memindah atau mengalih dari yang asal, menukar cara hidup.⁷ Pengertian mengubah yang dikehendaki di sini ialah menjadi masyarakat di situ lebih baik daripada yang asal supaya sesuai dengan peranan masjid itu dalam Islam.

Perkataan pemikiran bermaksud, perihal berfikir atau cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan fikiran.⁸ Dalam kamus al-Marbawi pemikiran bermakna perasaan, kira-kira, pertimbangan seseorang.⁹ Dalam kamus dwibahasa Oxford Fajar, pemikiran bermakna, idea dan lain-lain yang dihasilkan oleh pemikiran, timbang rasa, simpati, aktiviti yang bermain dalam minda seseorang untuk melahirkan idea atau proses, kuasa dan cara untuk berfikir.¹⁰

Manakala perkataan setempat bermakna satu tempat sahaja atau hanya mengenai sesuatu tempat itu sahaja, tempat itu sendiri, kawasan atau bahagian tertentu daripada sesuatu.¹¹ Maksud penulis di sini ialah kawasan sekitar Masjid Negeri Arau sahaja iaitu kampung-kampung dan taman-taman perumahan yang berada disekitar satu kilometer keliling dengan Masjid Negeri Arau Perlis.

⁶ Mohd Roselan Ab. Malek (1993), *Salsilah Nama Tempat Di Pulau Pinang dan Perlis*, Prisma Sdn Bhd., Petaling Jaya, Selangor. hal. 42.

⁷ *Ibid*, hal. 1504.

⁸ *Ibid*, hal. 352.

⁹ Muhammad Idris al-Marbawi, *Op.Cit*, hal. 100.

¹⁰ Joyce M. Hawkins (2000), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Edisi Kedua, Pustaka Fajar Bakti, Shah Alam, Selangor. hal. 402-403.

¹¹ Kamus Dewan, *Op.Cit*, hal. 1409.

Berdasarkan kepada makna frasa-frasa yang dihuraikan itu, dapatlah penulis membuat rumusan bahawa kajian ini difokuskan mengenai Peranan Masjid Negeri Arau, Perlis dalam Mengubah Pemikiran Masyarakat Setempat dalam persoalan dan isu-isu yang melibatkan sikap, budaya dan pemikiran yang timbul dalam masyarakat itu berdasarkan program-program yang telah dilaksanakan oleh masjid itu dengan menjadikan Masjid Arau sebagai tempat kajian.

1.3 Rumusan Masalah

Masalah-masalah yang dikaji dalam disartasi ini ialah sebagaimana berikut;

- 1.3.1 Bagaimana sejarah penubuhan awal Masjid Arau di kawasan Arau?
- 1.3.2 Apakah program-program atau aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan?
- 1.3.3 Bagaimanakah sambutan masyarakat Arau terhadap program-program itu?
- 1.3.4 Apakah peranan (program-program) yang telah dilaksanakan itu mampu mengubah pemikiran masyarakat Arau?

1.4 Latar belakang Kajian

Masjid adalah satu perkataan yang sinonim dengan Islam semenjak awal perkembangan Islam lagi. Masjid secara umumnya pada pandangan masyarakat Islam hari ini menjadi tempat ibadah kerana dari segi makna bahasanya, ia adalah sebagai

tempat sujud atau rumah ibadah.¹² Pandangan ini amat berbeza dengan peranan sebenar masjid dalam erti kata yang lebih menyeluruh. Masjid pada pandangan Islam bukan sekadar tempat ibadah khusus sahaja, bahkan fungsinya amat luas sehingga ia menjadi nadi dan sendi kepada semua aktiviti-aktiviti masyarakat dan menjadi penggerak kepada pembangunan umat.

Pandangan yang kurang tepat mengenai fungsi dan peranan masjid yang masih lagi terdapat pada segelintir umat Islam hari ini khususnya umat Islam dalam kariah Arau menyebabkan peranan masjid semakin mengecil dan terpencil. Ditambah pula dengan kecelaruan yang ditimbulkan daripada isu-isu semasa yang cuba dimainkan oleh individu tertentu untuk merosakkan imej institusi masjid yang mulia dan dihormati itu.

Isu-isu semasa yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah salah faham masyarakat tentang peranan masjid. Umpamanya apakah benar peranan masjid dalam masyarakat Islam di kawasan Arau khususnya dan Perlis amnya sekarang masih kabur dan kurang difahami lagi? Apakah masjid perlu dipisahkan dari aktiviti berbentuk duniawi sehingga menjadikan masjid menjadi kaku dan hanya berfungsi sebagai rumah ibadah semata-mata (untuk sembahyang lima waktu). Apakah benar masjid tidak boleh lagi berbicara dalam soal-soal yang melibatkan kepentingan umat Islam selain ibadat khusus kerana dengan berbuat demikian ia dianggap membicara soal duniawi dalam masjid dan berlawanan dengan kepentingan masjid atau anggapan-anggapan demikian adalah suatu pengaruh fahaman sekular yang meresap dalam segelintir pemikiran umat khususnya kawasan Arau dan Negeri Perlis yang

¹² Muḥammad Idris ‘Abd Rauf al-Marbawī, *Op.Cit*, hal. 279.

tidak disedari atau sengaja memekak telinga sahaja.

Persoalan-persoalan yang sebeginilah yang kurang jelas pada pandangan masyarakat Islam kawasan Arau kerana kekurangan ilmu Islam sehingga timbul cadangan-cadangan dari pihak tertentu supaya pentadbiran dan pengurusan masjid di kawasan Arau khasnya dan Malaysia amnya mesti diselaras dan diletak di bawah bidang kuasa raja atau pihak yang ada kepentingan sehingga banyak mencacat, melemah dan melesukan program, peranan dan kepentingan masjid dalam masyarakat Islam masa kini.

Oleh kerana itu, penulis merasakan perlu kepada kajian secara ilmiah apakah peranan sebenar Masjid Arau terlaksana atau sebaliknya kepada umat Islam kawasan Arau. Bagi memudahkan kajian ini, penulis telah mengambil Masjid Negeri Arau Perlis sebagai objek kajian memandangkan ia merupakan masjid yang kedua terpenting di Negeri Perlis dan ia juga menjadi tumpuan masyarakat setempat khususnya dan Negeri Perlis amnya serta ia adalah masjid Diraja.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilakukan ialah untuk;

1. Mengetahui sejarah Masjid Arau dan pentadbirannya.
2. Mengetahui sambutan masyarakat tempatan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh masjid.
3. Meninjau program-program yang dilaksanakan di masjid itu bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat.

4. Menghubungkait program-program Masjid Arau dengan peranannya dalam perubahan sikap, budaya dan pemikiran masyarakat setempat.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil dari kajian yang kecil ini memang tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh masjid-masjid di Malaysia, tetapi adalah diharapkan ia dapat memberi sedikit sumbangsan dan manfaat kepada beberapa pihak yang terlibat secara langsung dengan Masjid Arau, seperti pihak yang bertanggungjawab dengan masjid itu, Pejabat Agama Islam Negeri Perlis dan masyarakat setempat.

Sekiranya kajian penyelidikan ini diterima, pihak masjid dan masyarakat harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan pentadbiran dan pengurusan masjid supaya pemakmuran masjid dapat berperanan sebagaimana pada zaman awal Islam dan kesucian masjid mesti dihormati oleh semua pihak. Masjid tidak seharusnya dijadikan tempat ibadah semata-mata, tetapi perlu dimeriahkan melalui pelbagai program-program yang berfaedah. Ini dapat mendekatkan masyarakat dengan masjid, sekaligus mengeratkan lagi hubungan persaudaraan antara umat Islam.¹³

Pegawai yang berpengaruh di masjid ialah imam. Imam memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan hubungan sosial yang mantap antara anak kariahnya. Imam adalah merupakan tenaga terpenting di dalam sesebuah komuniti

¹³ Luqman Hakim (28 Julai, 2001), Imarahkan Masjid- Sultan Kedah, *Utusan Malaysia*, Edisi Utara.

untuk menjayakan kestabilan pentadbiran yang dimainkan oleh penghulu dan juga tuan guru dalam bidang dakwah dan pendidikan.¹⁴ Bidang dakwah dan pendidikan tidak dapat dipisahkan dengan peranan masjid. Peranan masjid dapat dimaksimumkan dengan adanya para imam yang amanah, *istiqamah* dan berkualiti.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi adalah suatu ilmu tentang cara-cara mengadakan penelitian dan pemerhatian.¹⁵ Perkataan metodologi tersebut berasal daripada bahasa Yunani iaitu ‘metodos’ yang bererti cara dan ‘logos’ yang bererti ilmu.¹⁶ Oleh itu metodologi bermaksud ilmu tentang cara atau kaedah penyelidikan. Ia juga adalah ilmu tentang bagaimana kaedah-kaedah yang harus digunakan dalam sesuatu penyelidikan.¹⁷

Dalam mana-mana bidang kajian, metod merupakan satu faktor yang amat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi tumpuan kajian itu.¹⁸ Sesuatu kajian akan mempunyai mutu yang tinggi apabila setiap metod yang digunakan itu tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuan kajian.

Di dalam kajian ini, penulis telah menggunakan dua jenis metod iaitu;

1. Metod pengumpulan data.
2. Metod analisis data.

¹⁴ Lokman Abd. Rahman dan Musa Ahmad (1996), *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*, Majlis Islam Melaka, hal. 50.

¹⁵ Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, FIB-IKIP, Yogyakarta, hal. 51.

¹⁶ Koentjaraningkrat (1986), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, PT. Gramedia, Jakarta, hal. 16.

¹⁷ A.S. Hornby (2001), *Oxford Fajar*, Pustaka Fajar Bakti, K. Lumpur, hal. 1152.

¹⁸ *Ibid.*

1.7.1 Metod Pengumpulan Data.

Metod pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara menentukan jenis data yang diperlukan dan seterusnya mentafsirkan data tersebut. Kualiti sesuatu kajian saintifik banyak bergantung kepada keputusan-keputusan yang berhubung dengan jenis keterangan yang hendak dikumpul dan cara mengumpulnya. Jenis soalan yang perlu dijawab mengenai cara mengumpul keterangan ialah sama ada hendak menjalankan kajian berdasarkan statistik yang melibatkan ramai responden, atau suatu kajian kes yang melibatkan sebilangan kecil responden, atau cara lain. Oleh itu sebelum menentukan jenis bukti yang hendak dikumpul, seseorang penyelidik hendaklah tahu bagaimana hendak menganalisis datanya.¹⁹ Dengan perkataan lain, ia perlu terlebih dahulu menentukan apakah tatacara analisis data yang akan digunakannya.

Kajian kes ialah kajian yang berdasarkan atau yang dikumpulkan maklumat daripada beberapa orang responden. Cara ini sangat berfaedah di dalam dua keadaan ;

1. Apabila sedikit benar yang diketahui tentang keadaan yang wujud dan kajian kes dapat dilakukan dengan segera melalui perbelanjaan yang rendah.
2. Apabila analisis mendalam diperlukan untuk memudahkan interpretasi dan pemahaman sesuatu bukti statistik yang sedia wujud. Dalam hal ini kajian kes merupakan pelengkap kepada tinjauan statistik.

Tinjauan statistik merupakan suatu cara yang dikenali ramai oleh ahli-ahli sains sosial. Sekiranya ia dirancang dan dilaksanakan mengikut amalan-amalan yang

¹⁹ Ahmad Mahdzan Ayob (1991), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, hal. 21.

standard, maka prosedur ini dapat menghasilkan keputusan-keputusan yang mempunyai keboleh kepercayaan yang tinggi. Teknik statistik adalah suatu teknik yang kukuh dan penggunaannya memerlukan pengetahuan statistik yang dipelajari secara formal.²⁰

Dalam usaha mengumpul, menulis dan menyiapkan data dan fakta yang diperlukan, yang mana data dan fakta tersebut diperolehi daripada beberapa sumber yang didapati melalui kajian perpustakaan dan lapangan.

Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan utama penulis ialah;

1. Perpustakaan Awam Pusat Islam, K. Lumpur,
2. Perpustakaan Akademi Islam, Univeriti Malaya, K. Lumpur,
3. Perpustakaan Uitm, cawangan Arau, Perlis,
4. Perpustakaan Awam Kangar, Perlis,
5. Perpustakaan Awam, Arau, Perlis.

Penulis mendapat sumber data lapangan melalui;

1. Temuramah dengan:
 - (a) YAB Menteri Besar Perlis (Dato' Sri Shahidan Kassim)
 - (b) Timbalan Pengurusi Masjid Arau (Dato' Setia Jaya Hj.Abu Bakar Ahmad)
 - (c) Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis (En. Sazali Hj. Hussein)
 - (d) Mufti Negeri Perlis (Dato' Alim Panglima Mat Jahya Hussin)
 - (e) Bekas exco agama Islam Perlis (Tuan Syed Alwi)

²⁰ *Ibid*, hal. 22.

- (f) Timbalan setiausaha Masjid Arau (Hj. Zainuddin Hashim)
 - (g) Imam, bilal dan siak Masjid Arau.
2. Soal selidik yang diajukan kepada masyarakat setempat sebanyak 210 Naskah. Soalan dalam soal selidik berdasarkan program-program yang telah dilaksanakan oleh Masjid Arau.
 3. Pemerhatian terhadap program-program yang diatur dan dilaksanakan di masjid itu dan bagaimana sambutan masyarakatnya.

Di bawah ini dinyatakan antara metod-metod yang digunakan untuk mengumpulkan data dan maklumat tersebut;

1.7.1.1 Metod Histories

Metod histories merupakan sesuatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian itu.²¹ Ia bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah dan maklumat-maklumat yang diperlukan. Dalam kajian ini, metod histories digunakan dalam perbincangan bab dua dan tiga.

1.7.1.2 Metod Dokumentasi

Metod ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang hendak dikaji.²² Antara dokumen-dokumen yang menjadi rujukan penulis ialah kitab-kitab tafsir, hadis, buku-buku, kertas kerja,majalah-majalah, keratan akhbar, risalah dan lain-lain bahan

²¹ Barnadib, *Op.Cit*, hal. 55.

²² *Ibid.*

bertulis. Metod ini digunakan dalam bab dua dan bab tiga.

1.7.1.3 Metod Temuramah

Metod ini adalah cara yang diguna untuk mendapatkan keterangan dan pendirian secara lisan dari responden secara berdepan muka denganya.²³ Kaedah inilah yang paling popular dalam tinjauan sosio-ekonomi. Temuramah ini dilakukan dengan menghantar pembanci atau penulis sendiri menemui responden yang dipilih untuk mendapatkan maklumat daripada mulut responden sendiri.²⁴ Antara mereka yang menjadi sasaran penulis dalam mendapat maklumbalas terhadap kajian ini ialah YAB Menteri Besar Perlis, Dato' Sri Shahidan bin Kassim, Dato' Setia Jaya Hj. Abu Bakar Hj. Ahmad (Timbalan Pengerusi Masjid Arau merangkap pengerusi baitul mal Negeri Perlis), Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis, Dato' Alim Panglima Mufti Negeri Perlis, Yang Mulia Engku Ibrahim b. Engku Ahmad, tuan Syed Ahmad b. Syed Alwi (bekas imam dan bekas Exco Kerajaan Negeri Perlis) tuan Imam, bilal dan siak Masjid Arau. Metod ini digunakan dalam bab dua, tiga dan empat.

1.7.1.4 Metod Observasi atau Pemerhatian

Melalui metod ini, data dikumpulkan dengan cara membuat pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian.²⁵ Dalam kajian ini, penulis telah memasukkan data yang diperolehi melalui pemerhatian penulis sendiri secara langsung atau tidak langsung. Sebagai contoh, kehadiran ahli kariah Arau di kalangan remaja Islam kawasan Arau ke masjid amat kecil bilanganya dan sebahagian ahli jamaah kurang memberi perhatian serius terhadap program majlis atau kuliah ilmu yang dilaksanakan

²³ *Ibid*, hal. 16.

²⁴ Ahmad Mahdzan Ayob, *Op. Cit*, hal. 53.

²⁵ *Ibid*, hal. 137.

oleh masjid itu. Ada juga ahli kariah hadir mendengar kuliah Maghrib mengikut siapa penceramahnya. Jika penceramah orang yang berfahaman sama dengan apa yang dianutinya, maka kebanyakan yang hadir adalah hadirin yang berfahaman itu. Tidak dinafikan ada dikalangan yang hadir dari kalangan ahli jamaah yang berbeza fahaman dan pendapat dengan penceramah. Metod ini digunakan dalam bab dua [bahagian 2.7], bab tiga [bahagian 3.11] dan bab empat.

1.7.2 Metod Analisis Data

Mengolah atau memperoses dan menganalisis data adalah untuk mengetahui fakta sebenar yang perlu untuk penyelidik. Mula-mula data yang dikumpul itu disemak dengan teliti. Langkah ini dipanggil menyunting data. Setelah disunting, ia boleh dianalisis dengan kaedah statistik. Tujuan penyelidikan ialah menerang dan membuat berbagai-bagai rumusan tentang penduduk sekitar Arau berdasarkan maklumat yang terkandung dalam sampel atau soalan kaji-selidik itu.²⁶ Setelah pengumpulan data dilakukan, penulis melakukan analisis terhadap pemerolehan data-data tersebut dengan menggunakan metod-metod berikut;

1.7.2.1 Metod Soal Selidik

Soal selidik ialah borang yang berisi soalan serta ruangan untuk jawapan.²⁷ Bagi satu-satu tinjauan, satu soal selidik yang sama hendaklah digunakan untuk semua responden. Ini memastikan keseragaman dalam jawapan yang diberi dan memudahkan penganalisis data. Soal selidik mengandungi soalan yang telah dibentuk khas untuk mengumpul data kajian. Soalannya diatur dan digubal dengan cara yang

²⁶ *Ibid*, hal . 23.

²⁷ Ahmad Mahdzan Ayob. *Op.Cit*, hal. 46.

mudah supaya dapat menolong responden merasa selesa dan boleh mengingat semula perkara-perkara yang telah berlalu pada masa lampau yang dikehendaki oleh penyelidik.²⁸

Sesebuah soal selidik hanya boleh dibentuk sesudah objektif penyelidikan diketahui dan dinyatakan oleh penyelidik. Amalan setengah-setengah orang menyediakan soal selidik sebelum menentukan objektif kajian adalah sama seperti meletak kereta di hadapan lembu.²⁹ Metod ini penulis gunakan dalam bab empat.

1.8 Liputan atau Skop Kajian

Liputan kajian ialah perkara menetapkan siapa dan berapa orang yang akan ditinjau daripada sesuatu populasi. Soal liputan kajian berkait rapat dengan tujuan atau objektif penyelidikan, sumber kewangan, tenaga kerja dan masa yang diberikan untuk menjalani kajian itu.³⁰

Andaikan kajian itu mengenai masyarakat, perkara pertama yang dipastikan ialah di kawasan mana, daerah mana, kampung mana. Perlu ditetapkan sempadan kajian yang hendak dilakukan.³¹ Penulis telah memilih kawasan Arau, Masjid Arau, sekitar satu kilometer keliling dari Masjid Arau kerana pada kebiasaan mereka yang berjiran dengan masjid kerap sembahyang di masjid tanpa menafikan kehadiran ahli-ahli kariah lain yang hadir ke masjid itu. Ia juga adalah untuk memudahkan penyelidik membuat kajian dengan lebih tepat.

²⁸ *Ibid.*, hal. 55.

²⁹ *Ibid.*, hal. 46.

³⁰ *Ibid.*, hal. 48.

³¹ *Ibid.*

Perkara yang kedua, tetapkan jenis masyarakat yang hendak dikaji. Penulis telah tentukan hanya anak kariah Arau yang pergi sembahyang di Masjid Arau sahaja perlu dibuat kajian kerana untuk mengukur sejauh mana kefahaman, pengaruh dan kesan program serta peranan Masjid Arau yang berlaku kepada orang-orang yang hadir ke masjid itu. Tidak adil kepada penulis untuk mengukur tahap kefahaman Islam dan kesan program Masjid Arau kepada orang yang tidak hadir dan tidak dapat manfaat dari pelbagai program-program yang dilaksanakan oleh masjid itu.

Perkara ketiga, tentukan pula berapa besar jumlah sampel yang hendak diambil dalam kajian itu. Jumlah sampel ada hubungan dengan kos kajian dan jangka masa yang diberi. Lazimnya persampelan dibuat mengikut perinsip statistik.³² Penulis telah tentukan sampel sebanyak 210 responden dari jumlah rumah muslim sebanyak 520 buah rumah dari jarak satu kilometer keliling dari Masjid Arau. Ini adalah rasio 500 populasi(penduduk) dibahagikan dengan 2.576 atau $2.5 = 194.1$.³³ Jadi rasio sampel penulis 210 dari jumlah populasi 520. Mengikut kaedah di atas jika populasi 520 dibahagi dengan 2.576 atau $2.5 = 208$ sampel responden atau lebih kurang 38-40 peratus populasinya. Untuk memudahkan penulis membuat kiraan peratusannya, maka penulis telah genapkan angka sampel itu iaitu 210 responden.

Penulis telah mengagihkan soalan-soalan kaji selidik dan menghantar pembanci untuk bertanya kepada penduduk di Kampung Banat 25 soalan, Kg. Gaur Sanji 27 soalan, Kg. Kebun 39 soalan, Kg. Utan Arau 28 soalan, Kg. Belukar 28

³² *Ibid.*

³³ Uma Sekaran(1992) , *Research Methods for Business*, Second Edition, John Wiley and Sons, Inc. USA, hal. 252.

soalan, Kg. Bakung 25 soalan dan Pekan Arau 38 soalan. Pembahagian seperti ini dibuat supaya responden yang memberi maklumat boleh dianggap mewakili masyarakat setempat yang dikaji dan kampung-kampung itu berada di sekitar Masjid Arau.

1.9 Sistemetika Penulisan

Kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab utama yang mana di bawahnya pula terdapat pula tajuk-tajuk kecil mengikut susunan seperti berikut;

Bab pertama merupakan pendahuluan meliputi pengenalan, pengertian tajuk, latar belakang masalah tempat kajian, rumusan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, liputan atau skop kajian, sistemetika penulisan, kajian lalu dan rumusan.

Bab kedua membincarkan tentang pengertian masjid dari segi bahasa dan istilah, sejarah perkembangan masjid-masjid utama dalam Islam, institusi masjid dan peranannya pada zaman awal Islam serta sejarah Masjid Arau Perlis, struktur pentadbiran dan program-programnya serta rumusan.

Bab ketiga membincangkan pengertian pemikiran dari segi bahasa dan istilah, sejarah pemikiran Ahlu Sunnah Perlis (Islah) dan perkembangannya, pemikiran, sikap dan budaya masyarakat Arau, pandangan sarjana Islam dan sarjana barat tentang pemikiran, ciri-ciri pemikiran Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran manusia dan rumusan.

Bab keempat, adalah bab yang terpenting dalam kajian ini dimana maklumat dan data yang diperolehi dari responden di analisis. Analisis ini meliputi perbincangan biodata masyarakat setempat, sambutan masyarakat tempatan daripada pelbagai program yang telah disusun dan dijalankan, kesesuaian program-program yang telah dan dilaksanakan itu kepada masyarakat tempatan, peranan Masjid Arau dalam mengubah pemikiran, sikap dan budaya hasil dari program-program yang telah dijalankan dan rumusan.

Dalam bab kelima penulis membuat kesimpulan secara keseluruhan kajian disartasi ini berdasarkan objektif kajian ini dan cadangan-cadangan daripada penulis untuk difikirkan dan diberi perhatian oleh pihak pengurusan dan pentadbiran masjid, JAIPs, masyarakat setempat dan pengkaji-pengkaji lain.

1.10 Kajian Lalu

Antara lain kajian lalu yang membincangkan mengenai masjid dan peranannya ialah;

1.10.1 Ibn. Kathīr dalam tafsirnya “*Tafsir al-Qur’ān al-‘Azīm*”, yang mengupas tafsiran ayat 17 dan 18 Surah at-Taubah, menjelaskan bahawa orang-orang musyrikin tidak akan memakmurkan masjid Allah dibina atas namaNya yang maha Esa dan tidak menyegutukannya. Masjid Allāh ialah Masjid al-Harām yang paling mulia dibina atas muka bumi pada hari pertama disyariatkan beribadat kepada Allāh swt. Asas pembinaannya adalah tauhid kepada Allāh yang Maha Pemurah. Sesungguhnya yang memakmurkan masjid-masjid Allāh ialah orang-orang yang beriman kepada

Allāh dan Hari Akhirat.

Kata Imām Aḥmad, dari Amru al-Harīth dari Sa'id al-Khudrī bahawa Rasulullah saw bersabda “Apabila kamu melihat seseorang lelaki yang berulang-alik ke masjid, maka bersaksilah kamu semua baginya dengan iman”. Hadis ini diriwayatkan oleh at-Tarmizī, Ibn Mardawah dan al-Hakīm.³⁴ Dalam hadis yang lain, dari Ṣalīḥ al-Marā'i dari Thābit al-Banāni dari Maimūn dari Ja'afar bin Zaid dari Anas bin Mālik katanya Nabi saw bersabda “ Sesungguhnya orang yang memakmurkan masjid-masjid, mereka itu adalah ahli (tetamu) Allah.³⁵ Kata Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal, sesungguhnya masjid-masjid adalah rumah-rumah Allah swt di muka bumi dan sesungguhnya hak Allah ke atas hambanya ialah mereka hendaklah memulia dan memakmurkan masjidnya.³⁶

Dari 'Abd al-Salām Muḥammad Harun (1979), *al-Alif al-Mukhtar min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Juzu' 1, Maktabah al-Khanāji, Miṣr. Dari Abū Katādah Nabi bersabda, “ Apabila seseorang dari kamu memasuki masjid, maka hendaklah ia sembahyang dua raka'at sebelum duduk di dalamnya. Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Muslim bin al-Ḥajāj, Imām (1981), *Ṣaḥīḥ Muslim*, syarah an-Nawāwi Imām, Juzu' 5, Dār al-Fikr. Rasulullah saw ditanya oleh Abū Zār tentang masjid yang pertama wujud di muka bumi, baginda menjawab Masjid al-Ḥarām, kemudian Masjid al-Aqṣa yang mana perbezaan masa terdirinya di antara kedua-dua masjid itu ialah selama 40 tahun. Dalam hadis yang lain, dari Jabir 'Abd Allāh al-Anṣāri, Nabi saw bersabda bahawa baginda diberi lima kelebihan yang tidak diberi kepada mana-mana Nabi dan Rasul serta umat terdahulu iaitu baginda diutuskan untuk semua bangsa, dihalalkan baginya binatang ternakan, dijadikan baginya bumi yang baik, bersih sebagai masjid

³⁴ Ibn Kathīr (2000), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, Dār al-Iḥyā', Beirut-Lubnān, 2:340.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid*, hal. 341.

di mana sesorang itu bolch sembahyang dimana-mana yang ia mahu (tempat bersih), diberi pertolongan kepadaku dari ketakutan selama sebulan dan diberi kepada Nabi saw syafa'at kubra.³⁷

Dari Abū Dāwūd Sulaiman al-'Asy'asy al-Sajastāni (1988), *Sunan Abī Dāwūd*, Dār al-Jīl, Beirūt, 1:120-122. Dari Ibn Abbas, Rasulullah saw mengalak memperbanyakkan pembinaan masjid. Dalam hadis yang lain, Nabi bersabda tidak akan berlaku kiamat sehingga manusia enggan pergi ke masjid. Maksud enggan ke masjid menurut Ibnu Ḥajar Asqalāni ialah berlebihan menghiasinya, mencantikkan masjid dan membangun masjid dengan binaan yang tinggi tetapi tidak diimarahkan masjid dengan ketaatan dan takwa kepada Allah swt.³⁸

1.10.2 Dr. Muṣṭafā 'Abd Allāh Ṣīḥah (t.t), *Madkhal IIa al-Imārah al- Masjid al-Islamiyah*, Matba'ah al-Tubūji al-Tijāriyah, Jami'ah Qāhirah, Miṣr. Penulis buku ini telah membincangkan sejarah penubuhan masjid kepada 9 fasal mengikut zaman. Fasal pertama pada zaman Rasulullah saw, fasal kedua zaman Umawī, fasal ketiga pada zaman awal Abbāsi, fasal ke empat dan lima beliau membincangkan jenis bangunan masjid pada awal zaman Fātimi di Mesir, fasal keenam, diceritakan jenis bangunan masjid pada zaman al-Ayyūbi, fasal ke tujuh, sejarah bangunan masjid pada zaman Kerajaan Mamāluki al-Bahriyah, fasal kelapan pula beliau menceritakan bangunan masjid pada zaman Kerajaan Mamāluki al-Jarākitah dan fasal kesembilan diceritakan bangunan masjid yang terkenal pada zaman Kerajaan Othmāni. Beliau ada juga menyentuh kepentingan masjid kepada umat Islam. Pada akhir buku itu

³⁷ Abu Muslim bin al-Ḥajjaj al-Imām (1981), *Sahīh Muslim bi Syarābi an-Nawawī*, Dār al-Fikr, 5:2-5.

³⁸ Ibnu Ḥajar al-'Asqalāni, Muḥammad bin Ismā'il al-Sana'ini (1182H), *Subul al-salām*, Maktabah al-Asriyah, Beirut, 1: 367.

diletakkan gambar-gambar dan plan-plan masjid yang terkenal dalam Islam.

1.10.3 Kausar Niazi (1991), *Role of The Mosque*, SH. Muhammad Ashraf. Lahore, Pakistan. Perbincangan dalam buku ini meliputi kedudukan masjid dalam al-Qur'an dan dalam hadis, sejarah fungsi-fungsi masjid, masjid sebagai pusat pendidikan, etika dan peraturan-peraturan yang harus ada dalam mengurus masjid dan masjid pada zaman moden : Masalah dan kesimpulannya.

1.10.4 Shaikh Ali Mohammad Mokhtar (1997), *Peranan Masjid Dalam Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, K. Lumpur. Buku ini membincangkan masjid dalam Islam, perbezaan masjid dan masjid jami', organisasi masjid dan pengurusannya, lokasi pembinaan masjid dan kedudukannya, bentuk masjid dan kcadaan fizikalnya, fungsi masjid, dan masjid dalam sejarah Islam.

1.10.5 Lokman Abd. Rahman, Musa Ahmad (1996), *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*, Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka. Buku ini telah membahagikan perbincangannya kepada lapan bab. Perbincangannya melibatkan konsep dan falsafah institusi masjid, membicarakan bagaimana mengembalikan fungsi asal masjid, sistem pengurusan masjid, prosedur kendalian kepegawaian masjid menurut akta dan undang-undang, komunikasi dalam pengurusan organisasi masjid, sistem pengurusan kewangan masjid, senario masjid pada abad ke 21 dan contoh-contoh serta pengalaman pengurusan masjid di K. Lumpur dan Singapura.

1.10.6 Roslina bte Muhammad (1990), *Masjid Rusila di Terengganu: Sejarah*

Perkembangan dan Kegiatannya. Tesis B.A (Hons), Fakulti Usuluddin, AIUM, K.Lumpur. Penulis ini telah membahagikan perbincangan tesisnya kepada lima bab. Bab yang pertama, perbincangannya meliputi latarbelakang masalah, pengenalan dan sejarah kampung Rusila, pengertian tajuk dan rumusan masalah, tujuan penulisan, metodologi dan sistematika penulisan. Bab kedua, perbincangannya mengenai pengertian masjid, sejarah awal pembinaan masjid, masjid takwa dan *dhirār* dan kegiatan masjid pada zaman Rasulullah saw. Bab ketiga, penulis menjelaskan metodologi yang digunakan dalam kajian dan penulisannya. Bab keempat, penulis telah membahagikan perbincangan kepada enam masalah iaitu, bagaimana proses Masjid Rusila dibina, apa motif penubuhan masjid itu, bagaimana struktur pentadbiran masjid, bagaimana hubungan Masjid Rusila dengan Majlis Agama Islam Terengganu, apa kegiatan dan program masjid dan bagaimana sambutan dan pandangan masyarakat terhadap masjid itu. Manakala bab kelima adalah bab penutup iaitu kesimpulan dan saranan penulis.

1.10.7 Sa-Anah bte Mahmud (1995), *Masjid: Peranannya Sebagai Pusat Pengajaran Ilmu Islam: Suatu Kajian di Bandaraya Kuching.* Tesis B.A (Hons). Fakulti Usuluddin, AIUM, K. Lumpur. Latihan ilmiah ini telah membahagikan perbincangannya kepada lima bab. Bab pertama adalah pendahuluan yang membincangkan pengertian tajuk, pengenalan ringkas Bandaraya Kuching, objektif kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan. Bab kedua, landasan teori yang membincang pengertian masjid, kelebihan masjid dalam Islam, sejarah kelahiran masjid utama, adab-adab dalam masjid dan peranannya. Bab ketiga membincang pengertian ilmu dan Islam, kelebihan dan galakkan menuntut ilmu, sejarah ringkas perkembangan ilmu sebelum dan selepas

Islam dan masjid sebagai institusi pendidikan. Bab keempat menjelaskan laporan penyelidikan, sejarah ringkas pembinaan Masjid Kuching, masjid-masjid yang berada dalam perbandaran Kuching, pentadbiran masjid, aktiviti-aktiviti masjid antaranya mengembangkan ilmu-ilmu Islam, menyambut perayaan-perayaan Islam dan kegiatan sosial bersama masyarakat. Bab kelima adalah bab penutup iaitu kesimpulan, saranan dan cadangan penulis.

1.10.8 Salehah bte Ali (1997), *Pengajian Fiqh di Masjid Wilayah Persekutuan K. Lumpur: Satu kajian Mengenai Kaedah Penyampaian dan Penerimaan Ahli Jamaah*. Latihan ilmiah B.A (Hons), Fakulti Syariah, AIUM, K.Lumpur. Penulis ini telah membahagikan kajiannya kepada empat bab. Bab pertama membincang definisi masjid, masjid utama dalam Islam dan peranan masjid. Bab kedua, perbincangannya meliputi bahagian amar makruf, bidang kuasa pengurusan dan pentadbiran masjid, pengurusan masjid-masjid di Wilayah Persekutuan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Bab ketiga menghuraikan konsep pengajian fiqh di Malaysia, sumber rujukan hukum, pengajian fiqh di masjid dan kaedah pengajian fiqh. Bab keempat adalah bab rumusan dan saranan, objektif pengajian fiqh diadakan, kaedah-kaedah yang digunakan, penerimaan ahli jamaah, masalah dan saranan.

1.10.9 Dr. Haji Azmi Haji Ahmad, *Pengurusan Masjid Masalah dan Penyelesaian Suatu Pengalaman*, dalam muzakarah pegawai-pegawai pengurusan masjid peringkat kebangsaan, Pusat Islam Malaysia, K. Lumpur, November, 1991. Kertas kerja yang beliau sampaikan itu menekankan beberapa perkara yang penting meliputi tujuan kertas kerja itu dibentangkan, latarbelakang kedudukan masjid dalam Islam, contoh

sejarah dan latarbelakang Masjid Saidina Othman Ibn Affan di Bandar Tun Razak Cheras yang melibat perbelanjaan 4.5 juta ringgit, isu-isu pengurusan yang meliputi konflik dalam organisasi masjid dan kesannya. Perancangan aktiviti dan program masjid, penyelenggaraan, keselamatan dan kebersihan masjid, pengurusan sumber pendapatan dan pengagihan penggunaan kewangan masjid dan pengurusan masjid sebagai pusat perpaduan masyarakat dan perkembangan ilmu. Bahagian akhir beliau membuat kesimpulan bahawa petanda Islamnya sesuatu kampung atau kota ialah berdirinya masjid di situ. Sebaliknya apabila lenyap masjid di suatu daerah, bermakna lenyaplah masyarakat Islam. Pembentukan masyarakat Islam dimulai dengan pembinaan masjid. Apabila masjid itu makmur, bererti kehidupan Islam makmur di dalam masyarakat itu.

1.10.10 Prof. Madya Mohd Hashim Yahya dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Peranan Masjid Dalam Pembangunan Ummah*, yang dibentangkan dalam muzakarah pegawai-pegawai pengurusan masjid peringkat kebangsaan, Pusat Islam Malaysia, K.Lumpur pada bulan November, 1991. Dalam kertas kerja itu beliau telah menekankan beberapa isu iaitu sebelas fungsi masjid dalam Islam, kedudukan masjid masa kini amat berbeza dengan fungsi masjid pada zaman awal Islam walaupun sederhana dari segi pembinaan bangunannya, tetapi telah dapat memenuhi segala keperluan untuk membangunkan umat Islam. Akan tetapi setelah kedudukan umat Islam semakin lemah ditambahkan lagi dengan perancangan musuh-musuh Islam menjadikan masyarakat Islam terjajah dalam bentuk yang baru yang bersifat ideologi sekular meliputi kehidupan bermasyarakat, nilai-nilai akhlak dan sistem-sistem yang ada pada umat Islam. Pada akhir kertas kerjanya, beliau memberi pendapat

bagaimana cara penyelesaian kepada masalah itu, iaitu bagaimana kedudukan Islam dalam negara itu sendiri, kerana kedudukan inilah yang akan menentukan semua kedudukan yang lain.

1.10.11 Prof. Dr. Ali Taib (17-24 Julai, 1984), *Peranan Masjid Masa Kini*, Kertas kerja ini dibentang dalam Seminar Imam-Imam Asia Tenggara dan Pasifik di Tanjung Aru, Beach Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Pembentang kertas kerja ini telah memberi penekanan kepada lima aspek iaitu;

Pengertian masjid menurut bahasa dan istilah serta masjid dari sudut sejarah. Peranan utama masjid dalam Islam: sebagai pusat perkembangan ajaran Islam, tempat menghidupkan syiar Islam dan tempat pengajian pelbagai ilmu. Cadangan pembentang; menjadikan masjid sebagai tempat pengajian ilmu-ilmu Islam, imam hendaklah berperanan sebagai guru bukan semata-mata sebagai imam sembahyang dan pemilihan seseorang imam hendaklah tidak kerana aliran politiknya. Kesimpulan, keseluruhan para imam-imam kini kurang mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup bagi mengimarahkan masjid. Pembentangan kertas kerja ini dipengerusikan oleh Dr. Abd. Hamid Othman.

1.10.12 Hj. Mohd Shahir Hj. Abdullah (1998), *Peranan Masjid Terhadap Pembangunan Ummah*, Jabatan Agama Islam Wilayah, K. Lumpur. Dalam kertas kerjanya, beliau telah mengutarakan lima bahagian utama. Pertama, tujuan kertas kerja ini dibentang iaitu untuk menjelaskan peranan masjid, cara pengurusan masjid di Malaysia sesuai atau sebaliknya dengan peranan masjid dan cara untuk mempertingkatkan aspek pengurusannya. Bahagian kedua, fungsi masjid pada zaman

mempertingkatkan aspek pengurusannya. Bahagian kedua, fungsi masjid pada zaman awal Islam dikaitkan dengan fungsi pada zaman kini yang mana beliau dapati pada zaman kini fungsi masjid semakin terhakis dan urusan pentadbiran masyarakat hampir tidak melibatkan masjid dan pegawai-pegawaiannya. Bahagian ketiga, beliau membincangkan soal cabaran masjid dan umat Islam kini yang melibatkan soal penyelewengan akidah, pengabaian syariah dan kerendahan akhlak. Bahagian keempat cadangan supaya wujudnya penyelarasan pengurusan dan pentadbiran antara masjid-masjid, Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dengan mengambil kira keperluan dan keadaan masyarakat tempatan. Bahagian akhir kertas kerja itu ialah penutup.

1.10.13 Nasoha bin Saabin (2001), *Memartabatkan Masjid*, Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd. K. Lumpur. Pengarang buku ini telah membahagikan tajuk kecil kepada empat belas bab. Perbincangannya meliputi masjid dan peranan: Salah faham usaha ke atas iman, masjid masa kini: Kelemahan umat, masjid terpinggir. Masjid pada zaman Nabi Muhammad saw menjadi nadi dan jantung kepada masyarakat umat Islam, cara membina masjid, keutamaan amalan di masjid, usaha memakmurkan masjid menjadi kewajiban umat Islam, masjid mestilah dibuka 24 jam, adab-adab di masjid, tanggungjawab setiap masjid kepada anak mukimnya, salah guna masjid, cara-cara perlantikan imam masjid, surau dan tempat sembahyang, masjid dan khutbah Jumaat harus selari dengan perkembangan zaman.

1.10.14 Mohd Nakhaie Ahmad (Jun, 2000), *Masjid Lesu: AJK tiada kelayakan, Majalah Dakwah*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, K. Lumpur. Beliau

menyatakan ada masjid selalu berkunci selepas wakyu sembahyang fardu, dunia banyak berubah tetapi orang yang mengurus masjid tidak berubah, mengapa orang Islam mampu memajukan dan mengembangkan institusi lain seiring dengan perkembangan zaman, dalam masa yang sama beliau mempersoalkan adakah benar orang-orang Islam ketandusan idea sehingga berkurun-kurun lamanya masjid sebagai institusi agama yang sangat penting tidak dapat dimajukan. Ada beberapa peserta bersetuju bahawa pegawai-pegawai masjid hendaklah terdiri dari orang yang berilmu, berkemampuan dan komited terhadap fungsi masjid serta satu manual pelaksanaan fungsi masjid perlu disediakan sebagai panduan semua pegawai-pegawai pengurusan masjid.

Kebanyakan kitab-kitab, buku-buku, tesis-tesis, makalah dan kertas kerja yang membincangkan tajuk “Mengenai masjid” menggunakan metod sejarah dan dokumentasi. Kajian dan tulisan-tulisan yang ada walaupun mengenai tajuk “masjid” tetapi tiada satupun kajian dalam buku-buku, tesis-tesis, makalah dan kertas kerja yang membincangkan tajuk mengenai “masjid dan perubahan pemikiran masyarakat”. Dari sinilah penulis telah mengambil inisiatif untuk membuat kajian lapangan Masjid Arau dan perubahan masyarakat setempat dari sudut sikap, budaya dan pemikiran telah menggunakan beberapa metod, seperti metod sejarah, dokumentasi, pemerhatian, analisis data, temuramah dan soal selidik. Kawasan dan skop kajian penulis meliputi satu kilometer keliling Masjid Arau. Perbezaan kajian penulis dengan kajian-kajian yang lalu terletak pada demensi kajian yang dilakukan tanpa menafikan sumbangansumbangan dan kajian-kajian yang dilakukan oleh penulis-penulis lain dari pelbagai sudut termasuklah dari sudut sejarah penubuhan masjid pada zaman awal Islam, zaman

pertengahan Islam dan zaman akhir Islam (Othmāni) serta peranannya kepada perkembangan ilmu dan tamadun Islam sampai kini.

Kajian penulis memberikan penekanan kepada espek pemikiran, budaya dan sikap iaitu sejauh mana masjid Arau mampu mengubah pemikiran masyarakat Islam Arau. Kajian yang lalu tidak menyentuh secara terperinci peranan masjid dan pemikiran masyarakat Islam. Penulis merasakan bahawa suatu kajian yang lebih menyeluruh perlu dilakukan untuk melihat apakah institusi masjid khususnya Masjid Arau dan perubahan pemikiran masyarakat Islam berlaku hasil dari pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan atau sebaliknya. Jika berlaku apakah kesannya kepada minda, sikap, budaya, gerak kerja dan amalan seharian masyarakat Arau. Ia dapat dilihat dari gerak kerja dan amalan harian mereka.